

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(PERINGATAN: Anda diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum menandatangani di bawah. Sekiranya terdapat sebarang terma dan syarat dalam Lembaran Pendedahan Produk ini yang anda tidak faham, sila dapatkan nasihat bebas dan/atau berbincang dengan wakil Bank sebelum menandatangani di bawah.)

VERSI BAHASA MALAYSIA

Bank : Affin Islamic Bank Berhad
Produk : Jaminan Perkapalan-i (SG-i)

Tarikh dikeluarkan kepada pelanggan:

(hendaklah dilengkapkan semasa permohonan)

1. Apakah produk ini?

Jaminan Perkapalan-i (SG-i) adalah satu kemudahan yang diberikan oleh pihak Bank kepada pengimport bagi pelepasan barang dagangan yang berada di pelabuhan, tanpa mengemukakan Bil Muatan (B/L) yang asal. Pihak Bank akan mengeluarkan Jaminan Perkapalan-i (SG-i) yang memihak kepada Syarikat Perkapalan/ejen bagi membolehkan pelanggan (pengimport, penerima konsain atau pembeli) untuk mengambil barang penghantaran.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Kafalah. Kafalah boleh didefinisikan sebagai jaminan yang diberikan oleh pihak yang pertama yang bersetuju untuk menunaikan liabiliti pihak ketiga sekiranya pihak kedua gagal memenuhi tanggungjawabnya.

3. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

Jaminan Perkapalan-i dikeluarkan oleh pihak Bank atau atas permintaan daripada pelanggan-pemohon dan sekiranya pelanggan-pemohon mungkir, pihak Bank bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kepada benefisiari Jaminan Perkapalan-i.

Bil Perdagangan-i – Jaminan Perkapalan-i (Bayaran atas permintaan)

Jumlah Had	: RM _____
Komisen Jaminan Perkapalan-i	: _____ % rata

4. Apakah kewajipan saya?

- Bil Muatan Kapal (B/L) hendaklah segera dihantar kepada syarikat perkapalan untuk mendapatkan semula SG-i setelah menerima dokumen perkapalan yang asal,
- SG-i akan dibayar atas permintaan yang mana apabila SG-i dikeluarkan, pihak pembeli mempunyai kewajipan untuk menerima dokumen yang dikemukakan kepadanya oleh penjual walaupun terdapat percanggahan dalam dokumen itu.
- Jumlah yang perlu dibayar kepada pihak Bank adalah termasuk yuran dan caj.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu bayar?

Yuran dan caj	Amaun (RM)
Komisen <ul style="list-style-type: none"> SG-i yang dikeluarkan di bawah Surat Kredit-i (LC-i) yang diisuarkan oleh pihak Bank SG-i yang tidak dikembalikan (tidak dibatalkan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh dikeluarkan) 	0.1% tetap, Min RM50.00 Komisen tambahan 0.5% setahun ke atas amaun invois sehingga tarikh SG-i dikembalikan. Minimum RM50.00
Duti Setem <ul style="list-style-type: none"> Surat Tawaran Surat Tanggung Rugi untuk Penghantaran Tanpa Bil Muatan (B/L) Dokumen Sekuriti Lain <ul style="list-style-type: none"> ✓ Surat Tolak Selesai ✓ Surat Cagaran 	Nominal RM10.00 Ad Valorem Ad Valorem Semua caj lain hendaklah mengikut Tarif Caj Piawai Bank seperti yang dinyatakan di AffinAlways.com
Caj-caj lain	

6. Apa yang berlaku jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

Jika SG-i tidak dikembalikan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pengeluaran, pihak Bank boleh mengenakan komisen tambahan pada 0.5% setahun ke atas jumlah invois sehingga tarikh pemulangan.

7. Apakah risiko utama?

Jika terdapat sebarang ketidakseragaman dalam dokumen untuk SG-i, terdapat kemungkinan anda kehilangan perlindungan di bawah Surat Kredit-i (LC-i) dan akan bertanggungjawab untuk menunaikan pembayaran secara sendiri.

8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda mempunyai kesukaran dalam membuat pembayaran, anda hendaklah menghubungi pihak Bank dengan kadar segera untuk berbincang mengenai alternatif lain pembayaran.
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda diminta mengisi borang "Borang Maklum Balas" yang boleh didapati di laman sesawang AffinAlways.com yang akan dihantar ke Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi. Anda juga boleh menghubungi pihak Bank di:

Pengurusan Maklum Balas Pelanggan & Resolusi

Tingkat 9, Menara Affin, Lingkaran TRX,

Tun Razak Exchange, 55188 Kuala Lumpur.

Telephone : 03 – 8230 2222

E-mail : yourvoice@affingroup.com

Website : AffinAlways.com

- Secara alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula hutang untuk individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agenzia Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Tingkat 5 and 6, Menara Aras Raya

(Dahulu dikenali sebagai Menara Bumiputra-Commerce), Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.

Telephone : 03-2616 7766

Faks : 03-2616 7601

E-mail : enquiry@akpk.org.my

Waktu Urusan : **9:00 pagi – 5:00 petang**
(Isnin – Jumaat)

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

(664393P)(Formerly known as Financial Mediation

Bureau) Level 14, Main Block Menara Takaful

Malaysia No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur

Telephone : 603 – 2272 2811

Faks : 603 – 2272 1577

E-mail : enquiry@ofs.org.my

Laman Web : www.ofs.org.my

- Jika anda tidak berpuas hati dengan cara penyelesaian pihak Bank terhadap pertanyaan atau aduan anda sila hubungi Bank Negara Malaysia Link di:

BNMLINK

Bank Negara Malaysia

P.O. Box 10922 (Peti Surat 10922)

50929 Kuala Lumpur

Telephone : 1-300-88-5465

Faks : 03-21741515

E-LINK : <https://bnmlink.bnm.gov.my>

9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi cawangan kami berhampiran anda atau hubungi Pusat Panggilan kami 03-8230 2222 atau layari laman web kami di AffinAlways.com.

11. Paket pembiayaan lain yang disediakan

Bank menawarkan kemudahan bil perdagangan lain seperti Jaminan Bank-i (BG-i), Bil Penerimaan-i (AB-i), Bil Perundingan (BN-i), Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i (ECR-i), Surat Kredit-i (LC-i), Resit Amanah-i (TR-i), Pembiayaan Perkhidmatan Perdagangan-i (FTF-i) dan Pembiayaan Modal Kerja-i (WCF-i).

NOTA PENTING:**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR PEMBIAYAAN ANDA.**

Maklumat yang dinyatakan di dalam lembaran keterangan ini sah dari **6 NOVEMBER 2024**

- Saya/Kami dengan ini mengakui bahawa terma utama lembaran pendedahan produk ini, khususnya, terma yang memberi kesan kepada kewajipan saya/kami, telah dijelaskan dengan jelas kepada saya/kami oleh kakitangan, wakil atau ejen Bank.

Tandatangan : _____

Nama : _____

No Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____